



RAHIM Tamby Chik bersama Ijazah Doktor Falsafah yang diterimanya pada majlis Konvokesyen UMS Ke-14 di Kota Kinabalu, Sabah, semalam.

Rahim Tamby Chik terima Ijazah Doktor Falsafah

UM 21-10-2012 13

KOTA KINABALU 20 Okt. - Pengerusi RISA, Tan Sri Rahim Tamby Chik hari ini menerima Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang sejarah daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Ijazah tersebut diterimanya daripada Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin yang juga Canselor UMS sempena Majlis Konvokesyen Ke-14 universiti itu.

Rahim berkata, beliau berpuas hati kerana usahanya selama empat tahun berjaya membuahkan hasil.

"Bagi mendapatkan ijazah itu saya telah menyiapkan tesis bertajuk *UMNO dan Perseolan Kepemimpinan Politik Dalam Masyarakat Majmuk Malaysia*," katanya ketika ditemui selepas majlis tersebut.

Menurut Rahim, beliau berharap tesis itu akan dapat memberi panduan kepada asas pengetahuan bagi membina sistem politik yang baik pada masa akan datang.

"Saya amat bersyukur dan hari ini merupakan hari bersejarah kerana mendapat Ijazah Doktor Falsafah," ujarinya.

Sementara itu, aktivis sosial yang juga Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang kerja sosial.



LEE LAM THYE

"Anugerah ini merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan terhadap khidmat sosial saya dan kerana itu saya ingin berkongsi anugerah dengan rakan-rakan seperjuangan," kata Lam Thye.

Yang turut hadir ialah Pro Canselor UMS, Tan Sri Yeoh Tiong Lay dan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Harun Abdullah.

Konvokesyen ke-14 yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini menyaksikan seramai 4,336 graduan berjaya menamatkan pengajian masing-masing.